



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**



PENGUAT kuasa KPDN (kiri) memeriksa minyak masak 5kg yang ditemui di sebuah restoran di Medan Simpang, Taiping kelmarin.

## Restoran simpan 430kg minyak masak tanpa permit diserbu

**TAIPEI** — Kegagalan mengemukakan permit terhadap 86 botol minyak masak 5 kilogram (kg) yang disimpan menyebabkan sebuah restoran di Medan Simpang di sini dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pemeriksaan yang dilakukan kira-kira pukul 1 petang itu melibatkan aktiviti penguatkuasaan

undang-undang yang dikawal se lia oleh KPDN.

"Hasil pemeriksaan telah menemui sebanyak 86 botol minyak masak berat 5kg atau anggaran keseluruhan 430kg di restoran berkenaan.

"Siasatan lanjut yang dijalankan mendapat restoran terbabit gagal mengemukakan lesen atau permit berkaitan barang kawalan minyak masak apabila diminta." katanya di sini semalam.

Kamalludin berkata, premis

itu telah disyaki menyimpan barang kawalan tersebut tanpa kebenaran Pengawal Bekalan Malaysia.

"Sehubungan itu, satu tindakan kes telah diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan barang kawalan iaitu minyak masak botol 5kg sebanyak 86 botol atau 430kg serta dokumen berkaitan telah disita.

"Nilai keseluruhan barang rampasan adalah dianggarkan berjumlah RM2,657.40," katanya.

# KPDN rampas 430kg minyak masak

**Ipoh:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas 430 kilogram (kg) minyak masak kerana disyaki disimpan tanpa permit di sebuah restoran di Medan Simpang, Taiping, kelmarim.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata, pemeriksaan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Taiping pada 1 tengah hari itu merampas 86

botol minyak masak botol lima kg serta dokumen berkaitan.

“Nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan RM2,657.40. Siasatan lanjut yang dijalankan mendapati restoran terbaik gagal mengemukakan lesen atau permit berkaitan barang kawalan minyak masak,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

# **Seludup diesel: SPRM bekukan akaun bank RM36 juta**

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM36 juta akaun bank milik pengusaha stesen minyak dan dua pegawai penguat kuasa dibekukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi siasatan kes penyeludupan diesel bersubsidi.

Tindakan itu diambil susulan Op Liter yang dilaksanakan SPRM membabitkan sindiket menyelweng diesel milik persatuan nelayan serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak pada Ahad lalu.

Menurut sumber, setakat jam 5 petang, Rabu, sebanyak RM36 juta wang yang berada di dalam akaun bank sudah dibekukan.

"Ia susulan penahanan dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak, pembantu penguat kuasa dan pengarah sebuah agensi penguatkuasaan.

"Setakat ini tiada penahanan baharu dan tiada rampasan lain dilakukan," katanya pada Khamis.

Sumber berkata, dua beradik terbabit yang direman empat hari sebelum ini dibebaskan dengan jaminan pada Khamis selepas

tempoh remannya tamat.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkanya dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Pada Selasa, pengarah agensi penguatkuasaan di Kuching, Sarawak ditahan dipercayai menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi.

Suspek lelaki yang berusia lingkungan 40-an ditahan di Pejabat SPRM Sarawak kira-kira jam 6.20 petang.

Sebelum itu, menerusi Op Liter, SPRM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyerbu sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak dan menyita 1.6 juta liter diesel dan wang tunai RM3.7 juta.

Lima individu termasuk pengusaha stesen minyak turut ditahan membabitkan sindiket yang telah aktif sejak 2012.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (tengah) dan pengusaha kebun pegaga, Johari Din ketika operasi Banci Pertanian di Kampung Paya Burma, Mata Ayer, Arau. (Foto Alizat Sharif/BH)



Operasi Banci Pertanian 2024 hari ke-52 yang dilaksanakan antaranya di sekitar kawasan Bukit Keteri, Panggas Besar dan Kampung Alor Tok Tereng di Perlis.

# Banci Pertanian 2024 dilaksana sehingga 10 Oktober

Objektif untuk kumpul stok, profil sektor pertanian meliputi ekonomi, sosial dan alam sekitar

Oleh Tuty  
Haryati Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perangkaan (DOSM) sedang melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula 7 Julai sehingga 10 Oktober ini.

Pengarah Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Fuziah Md. Amin, berkata banci itu akan meliputi individu dan pertubuhan perniagaan atau syarikat yang menjalankan aktiviti pertanian merangkumi tanaman, ternakan, perikanan tangkap, akuakultur dan perhutani dan pembalauan.

Katanya, Banci Pertanian berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi di bawahnya iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM); Kementerian Perludungan dan Komoditi (KKP) serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRSE).

"Objektif pelaksanaan banci pertanian ini adalah untuk mengumpul stok dan profil sektor pertanian meliputi dimensi ekono-

nomi, sosial dan alam sekitar bagi pegangan pertanian.

"Selain itu, ia dapat menyediakan input utama dalam merangka polisi untuk sektor pertanian oleh pelbagai pihak yang berkepentingan untuk perancangan pembangunan, penggunaan dasar sosio ekonomi dan program yang berkaitan."

"Banci ini juga dapat menyediakan penanda aras sehingga peringkat terkecil yang diperlukan untuk merangka program pembangunan pertanian baharu dan untuk menilai kemajuannya," katanya.

"Banci ini turut menyediakan rangka pensampelan pegangan pertanian untuk menjalankan survei pertanian masa hadapan," katanya.

Beliau berkata, berkenaan kumpulan sasaran dalam Banci Pertanian 2024, unit statistik bagi sektor pertanian adalah pegangan pertanian (agriculture holding) yang merujuk kepada pertubuhan perniagaan, institusi dan isi rumah yang terbatit dalam sektor pertanian.

"Manakala maklumat isi rumah pertanian diperoleh dari Banci Penduduk dan Perumahan 2020. Selain itu, maklumat pengusaha pertanian yang berdaftar dengan agensi pertanian juga diperoleh."

"Manakala, maklumat pertubuhan diperoleh daripada sumber seperti Suruhanjaya Syari'at Malaysia (SSM) dan Pihak Berkasus Tempatan (PBT) bagi memastikan liputan Banci Pertanian 2024 adalah menyeluruh," katanya.

Berkenaan pemilihan mod-

**Banci ini juga dapat menyediakan penanda aras sehingga peringkat terkecil yang diperlukan untuk merangka program pembangunan pertanian baharu dan untuk menilai kemajuannya**

**Fuziah M Amin,**  
Pengarah Bahagian  
Perangkaan  
Pertanian dan Alam  
Sekitar serta  
Pengerusi JK PIO  
Banci Pertanian



pembancian pula, Fuziah berkata,

pembancian kali ini akan menggunakan pakai kaedah temuramah bersemuka iaitu Paper and Pen Interview (PAPI) bagi isi rumah manakala bagi pertubuhan akan menggunakan kaedah PAPI dan secara pos.

"Pelaksanaan mod pembancian ini adalah fleksibel dengan mengambil kira kebolehcapaian dan kesesuaian mengikut kategori responden."

Jelas beliau, responden perlu menjawab Banci Pertanian 2024 kerana ia menyediakan data asas tentang profil pegangan pertanian seperti maklumat demografi, hasil pertanian, kos

input, saiz ladang, penggunaan dan pemilikan tanah, mekanasi serta penggunaan teknologi.

#### Rangka dasar, program

Secara ringkasnya, dapatan banci ini dapat digunakan untuk merangka dasar dan program jangka pendek dan jangka panjang serta untuk meningkatkan keterjaminan makanan, produktiviti serta mempromosi-

"Untuk agensi pertanian, dapatan banci ini boleh digunakan sebagai pengukur dan perbandingan antarabangsa kerana memenuhi keperluan standard data agensi antarabangsa seperti *The Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)*," katanya.

Mengulas lanjut mengenai Banci Pertanian 2024, Fuziah berkata, ia adalah banci keempat yang akan dilaksanakan di Malaysia.

Katanya, Banci Pertanian yang pertama dilaksanakan pada tahun 1960 membabitkan negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak dan diperluaskan ke Sabah pada 1961.

"Banci Pertanian kedua pada dilaksanakan pada 1977 di Malaysia manakala Banci Pertanian yang ketiga dilaksanakan pada 2005 dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan dan Komoditi dan DOSM."

"Pelaksanaan Banci Pertanian pada 2024 adalah sejarah dengan resolusi FAO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengesyorkan supaya semua negara melaksanakan Banci Pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun."

"Negara seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Sri Lanka melaksanakan banci pertanian dengan kekerapan 10 tahun sekali. Walau bagaimanapun, terdapat negara melaksanakan banci pertanian lima tahun sekali iaitu Australia, Kanada dan Republik Korea," katanya.

## Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainuddin 24 Mac



Muhammad Faisal (kiri) hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes rasuah membabitkan Muhammad Faisal Hamzah yang juga anak kepada Ketua Pembangkang merangkap Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, diadakan bermula 24 Mac tahun depan.

Hakim Rosli Ahmad menetapkan perkara itu selepas pihak pendakwaan dan pembelaan mengesahkan pengurusan kes dan serahan dokumen, semalam.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikhwan Zaudi Nordin memaklumkan seramai 21 saksi akan dipanggil oleh pihak pendakwaan.

"Kami mohon tempoh dua minggu sebelum tarikh perbicaraan untuk menyerahkan kenyataan saksi," katanya.

Peguam Chetan Jethwani yang mewakili Muhammad Faisal memohon tempoh lebih munasabah kerana pihaknya perlu meneliti semua kenyataan 21 orang saksi, sebelum perbicaraan bermula.

Rosli kemudian menetapkan 21 Februari tahun depan untuk penyerahan kenyataan saksi dan pengurusan kes terakhir.

Beliau turut menetapkan 24 hingga 28 Mac 2025, 14 hingga 18 April dan 21 hingga 25 April untuk perbicaraan kes.

Pada Jun lalu, Muhammad Faisal, 40, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menerima rasuah bernilai RM100,000.

Dia didakwa menerima wang

berkenaan daripada Izmir Abd Hamid sebagai bayaran untuk Heitech Padu Bhd (Heitech Padu) melantik syarikat Rimba Berpati Sdn Bhd dan syarikat Per My Solutions menjadi perunding permasaran.

Kesalahan itu dikaitkan dengan Heitech Padu yang dikatakan mendapat tender RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pembekalan, penyewaan, pelaksanaan, latihan, sokongan dan penyelenggaraan infrastruktur keselamatan.

Muhammad Faisal didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah pejabat dekat Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1, Kuala Lumpur pada Mac 2018.

## 15 hari bicara, 21 saksi akan dipanggil kes rasuah anak Hamzah Zainudin

**KUALA LUMPUR** – Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, menetapkan perbicaraan kes menerima rasuah RM100,000 membabitkan anak kepada bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin bermula 24 Mac tahun depan.

Perbicaraan selama 15 hari ditetapkan pada 24 hingga 28 Mac, 14 hingga 18 April dan 21 hingga 25 April 2025.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikhwan Zaudii Nordin berkata, pihaknya menyerahkan dokumen kes kepada pihak pembelaan yang mewakili Muhammad Faisal Hamzah.

"Pihak pendakwaan akan mengemukakan seramai 21 saksi," katanya ketika prosiding sebutan kes di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Sementara itu, peguam Chetan Jethwani yang mewakili Muhammad Faisal, 40, mensahkan perkara tersebut.

"Saya mohon agar mahkamah menetapkan tarikh pengurusan kes sebelum perbicaraan, bagi memuktamadkan dokumen dan pernyataan saksi," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, mahkamah menetapkan



FAISAL

pengurusan kes pada 21 Februari tahun hadapan.

Pada 5 Jun lalu, Muhammad Faisal yang juga seorang pe-runding syarikat, didakwa menerima suapan daripada seorang individu sebagai upah bagi Heitech Padu Berhad melantik syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd dan Per My Solutions sebagai konsultan pemasaran.

Seterusnya dua syarikat itu dibayar komisen berjumlah RM700,000 selepas Heitech Padu dianugerahkan tender pembekalan, penyewaan, pelaksanaan, latihan, sokongan dan penyelenggaraan infrastruktur keselamatan bernilai RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sebuah pejabat di Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1 di sini, pada Mac 2018 lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan, atau jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 30 OGOS 2024**

| TARIKH | TAJUK   | PAUTAN  | MEDIA           |
|--------|---|---|-----------------|
| 30-Aug | Restoran simpan 430kg minyak masak tanpa permit kena tindakan         | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/restoran-simpan-430kg-minyak-masak-tanpa-permit-kena-tindakan/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/restoran-simpan-430kg-minyak-masak-tanpa-permit-kena-tindakan/</a>                                 | KOSMO           |
| 30-Aug | SIMPAN MINYAK MASAK TANPA PERMIT, RESTORAN DI TAIPING DISERBU         | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334609">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334609</a>   | BERNAMA         |
| 30-Aug | Seleweng diesel: Akaun bank RM36 juta dibeku SPRM                     | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/seleweng-diesel-akaun-bank-rm36-juta-dibeku-sprm/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/seleweng-diesel-akaun-bank-rm36-juta-dibeku-sprm/</a>   | UTUSAN MALAYSIA |
| 30-Aug | Seleweng diesel: Akaun bank RM36 juta dibeku SPRM                     | <a href="https://www.malay.news/seleweng-diesel-akaun-bank-rm36-juta-dibeku-sprm/">https://www.malay.news/seleweng-diesel-akaun-bank-rm36-juta-dibeku-sprm/</a>   | MALAY NEWS      |
| 30-Aug | MACC freezes RM36 million in bank accounts linked to diesel smuggling | <a href="https://thesun.my/local-news/macc-freezes-rm36-million-in-bank-accounts-linked-to-diesel-smuggling-KI12928992">https://thesun.my/local-news/macc-freezes-rm36-million-in-bank-accounts-linked-to-diesel-smuggling-KI12928992</a>           | THE SUN         |
| 30-Aug | Sindiket diesel Sibu: SPRM beku akaun bank RM36 juta                  | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682877/berita/semasa/sindiket-diesel-sibu-sprm-beku-akaun-bank-rm36-juta">https://www.sinarharian.com.my/article/682877/berita/semasa/sindiket-diesel-sibu-sprm-beku-akaun-bank-rm36-juta</a>       | SINAR HARIAN    |
| 30-Aug | Perbicaraan anak Hamzah Zainuddin Mac tahun depan                     | <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1291493/perbicaraan-anak-hamzah-zainuddin-mac-tahun-depan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1291493/perbicaraan-anak-hamzah-zainuddin-mac-tahun-depan</a>                       | BERITA HARIAN   |
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin Mac tahun depan                | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682863/berita/semasa/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-mac-tahun-depan">https://www.sinarharian.com.my/article/682863/berita/semasa/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-mac-tahun-depan</a> | SINAR HARIAN    |
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin bermula Mac 2025               | <a href="https://www.malaysiakini.com/news/717433">https://www.malaysiakini.com/news/717433</a>   | MALAYSIA KINI   |
| 30-Aug | BICARA KES RASUAH ANAK HAMZAH ZAINUDIN BERMULA MAC 2025               | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334610">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2334610</a>   | BERNAMA         |
| 30-Aug | Bicara rasuah anak Hamzah Zainuddin 24 Mac 2025                       | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bicara-rasuah-anak-hamzah-zainuddin-24-mac-2025/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/bicara-rasuah-anak-hamzah-zainuddin-24-mac-2025/</a>   | UTUSAN MALAYSIA |

|        |   |   |                  |
|--------|---|---|------------------|
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin bermula Mac 2025                   | <a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025/</a>   | BULETIN TV3      |
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin bermula Mac 2025                   | <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025</a>   | UTUSAN BORNEO    |
| 30-Aug | Tertipu skim pelaburan matawang kripto, warga emas rugi RM10.2 juta       | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/08/29/tertipu-skim-pelaburan-matawang-kripto-warga-emas-rugi-rm10-2-juta/">https://malaysiagazette.com/2024/08/29/tertipu-skim-pelaburan-matawang-kripto-warga-emas-rugi-rm10-2-juta/</a>   | MALAYSIA GAZETTE |
| 30-Aug | Kuala Lumpur antara 100 teratas Kluster Sains dan Teknologi terbaik dunia | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682957/berita/nasional/kuala-lumpur-antara-100-teratas-kluster-sains-dan-teknologi-terbaik-dunia">https://www.sinarharian.com.my/article/682957/berita/nasional/kuala-lumpur-antara-100-teratas-kluster-sains-dan-teknologi-terbaik-dunia</a> | SINAR HARIAN     |
| 30-Aug | Kuala Lumpur joins global elite in science and technology innovation      | <a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/240991/kuala-lumpur-joins-global-elite-in-science-and-technology-innovation/">https://www.dailyexpress.com.my/news/240991/kuala-lumpur-joins-global-elite-in-science-and-technology-innovation/</a>   | DAILY EXPRESS    |
| 30-Aug | Kuala Lumpur di tangga ke-93 Kluster Sains dan Teknologi terbaik dunia    | <a href="https://selangorkini.my/2024/08/kuala-lumpur-di-tangga-ke-93-kluster-sains-dan-teknologi-terbaik-dunia/">https://selangorkini.my/2024/08/kuala-lumpur-di-tangga-ke-93-kluster-sains-dan-teknologi-terbaik-dunia/</a>   | SELANGOR KINI    |
| 30-Aug | KUALA LUMPUR ANTARA 100 TERATAS KLUSTER SAINS DAN TEKNOLOGI TERBAIK DUNIA | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2334815">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2334815</a>   | BERNAMA          |
| 30-Aug | KL joins global elite in science, tech innovation                         | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/29/kl-joins-global-elite-in-science-tech-innovation">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/29/kl-joins-global-elite-in-science-tech-innovation</a>   | THE STAR         |
| 30-Aug | KL di kedudukan ke-93 Kluster Sains dan Teknologi                         | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/kl-di-kedudukan-ke-93-kluster-sains-dan-teknologi/">https://www.kosmo.com.my/2024/08/29/kl-di-kedudukan-ke-93-kluster-sains-dan-teknologi/</a>   | KOSMO            |
| 30-Aug | Kuala Lumpur joins global elite in science and technology innovation      | <a href="https://thesun.my/local-news/kuala-lumpur-joins-global-elite-in-science-and-technology-innovation-BJ12932012">https://thesun.my/local-news/kuala-lumpur-joins-global-elite-in-science-and-technology-innovation-BJ12932012</a>   | THE SUN          |
| 30-Aug | Kedai dobi tanpa lesen boleh mengundang risiko keselamatan                | <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/kedai-dobi-tanpa-lesen-boleh-mengundang-risiko-keselamatan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/29/kedai-dobi-tanpa-lesen-boleh-mengundang-risiko-keselamatan</a>   | UTUSAN BORNEO    |

|        |  |   |                 |
|--------|--|---|-----------------|
| 30-Aug | Unlicensed laundry operations pose safety risks              | <a href="https://www.theborneopost.com/2024/08/29/unlicensed-laundry-operations-pose-safety-risks/">https://www.theborneopost.com/2024/08/29/unlicensed-laundry-operations-pose-safety-risks/</a>   | THE BORNEO POST |
| 30-Aug | Berniaga dari rumah bukan tiket 'bermastautin' meraih untung | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/berniaga-dari-rumah-bukan-tiket-bermastautin-meraih-untung/">https://www.buletintv3.my/nasional/berniaga-dari-rumah-bukan-tiket-bermastautin-meraih-untung/</a>   | BULETIN TV3     |
| 30-Aug | Simpan minyak masak tanpa permit, restoran diserbu           | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/682907/berita/semasa/simpan-minyak-masak-tanpa-permit-restoran-diserbu">https://www.sinarharian.com.my/article/682907/berita/semasa/simpan-minyak-masak-tanpa-permit-restoran-diserbu</a>                                       | SINAR HARIAN    |
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin bermula Mac 2025      | <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025-485602">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025-485602</a>   | ASTRO AWANI     |
| 30-Aug | Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainudin bermula Mac 2025      | <a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/bicara-kes-rasuah-anak-hamzah-zainudin-bermula-mac-2025</a> | BERITA RTM      |